



## PERTOLONGAN DARI ATAS

Disusun oleh Watson Goodman

Percuma—Bukan untuk dijual

### PERTOLONGAN DARI ATAS

“Pertolongan Dari Atas” mengandungi petikan ayat-ayat yang berhubungan dari dalam Alkitab mengenai beberapa tajuk. Sudah tentu ulasan Alkitab yang sebaik-baiknya ialah Alkitab itu sendiri.

Firman Tuhan datangnya “dari atas.” Oleh itu ianya sangat ber-menefaat bagi hati yang lapar serta dahaga akan kesucian. Manakala seseorang bertaubat, meninggalkan dosanya, menjemput Yesus Kristus Tuhan itu ke dalam hatinya, dan percaya dengan segenap jiwanya bahawa Yesus Kristus itu Juruselamat, Tuhan pun akan menyatakan dirinya kepada orang itu serta menerbitkan kebahagiaan dan sentosa di dalam hatinya. Saya mengalami hal ini pada tahun 1937. Semenjak itu belum pernah saya menceraikan persekutuan saya dengan Tuhan. Saya merayu kepada anda, serahkanlah diri anda kepada Tuhan selaku Juruselamat SEKARANG juga, jika anda belum lagi berbuat demikian. —Watson Goodman (1920-2002)

### KASIH TUHAN

Tetapi Allah telah menunjukan kepada kita betapa dia mengasihi kita, dalam hal Kristus mati kerana kita bila kita masih adalah orang-orang berdosa!  
—Rum 5:8

Sampailah sekarang satu hari sebelum Hari Raya Paskah, dan Yesus pun tahu bahawa saatnya telah sampai bagi dia meninggalkan dunia ini dan kembali kepada Bapanya. Dia telah tetap mengasihi orang-orangnya di dalam dunia, malah dia mengasihi mereka sampai kepada akhirnya.  
—Yahya 13:1

“Tiada seorang yang mampu-

nyai kasih yang lebih besar daripada dia mengorbankan nyawanya bagi sahabat-sahabatnya.”  
—Yahya 15:13

Dan dari Yesus Kristus, saksi yang setia itu, anak sulung yang dibangkitkan dari kematian, yang juga menjadi pemerintah raja-raja dunia. Yesus mengasihi kita, dan oleh kematiannya dia telah membebaskan kita dari dosa-dosa kita.  
—Wahyu 1:5

Kerana demikianlah Allah mengasihi dunia ini sehingga diberikannya AnakNya yang tunggal, supaya tiap-tiap manusia yang

1

percaya akan Anak itu tidak binasa tetapi beroleh kehidupan yang kekal.  
—Yahya 3:16  
Aku hampir mereka dari jauh.

### KEILAHIAN YESUS KRISTUS

Tidak seorang pun dapat menyangkal betapa besarnya rahsia ugama kita. Yesus Kristus tampil dengan rupa manusia, dinyatakan benar oleh Roh Allah, dan dilihat oleh malaikat-malaikat. Dia diisytiharkan di antara bangsa-bangsa, dipercayai dalam dunia, dan telah diangkat ke syurga.  
—1 Timotius 3:16

Sebelum dunia ini diciptakan, Firman itu telah ada. Firman itu

Hai umat Israel, aku sentiasa mengasihi kamu. Oleh itu aku terus mencurahkan kasihku ke atas kamu.  
—Yeremia 31:3

ada bersama-sama dengan Allah, bahkan Firman itu ialah Allah juga. . . . Firman itu telah menjelma menjadi manusia, dan tinggal bersama-sama kita. . . . Allah telah menyatakan dirinya kepada kita dan kasihnya untuk kita dengan sepenuh-penuhnya.  
—Yahya 1:1, 14

Semuanya ini berlaku supaya terjadilah firman Tuhan yang disampaikan oleh nabi, katanya,

2

“Perawan itu akan mengandung, dan melahirkan seorang anak laki-laki, dan dia akan dinamakan Immanuel.” (Dalam bahasa Ibrani, Immanuel bererti, “Allah beserta kita”).  
—Matius 1:22, 23

“Bapa itu dan aku satu adanya.”  
—Yahya 10:30

Tetapi Yesus menjawab, “Telah sekian lama aku berada dengan

kamu semua, masihkah belum engkau kenal aku, Filipus? Barangsiapa yang telah melihat aku, orang itu telah melihat Bapa. Bagaimanakah katamu: ‘Tunjukkanlah Bapa itu kepada kami?’ Tidakkah engkau percaya, hai Filipus, bahawa aku bersatu dengan Bapa, dan Bapa bersatu dengan aku?”  
—Yahya 14:9, 10a

### YESUS SELAKU ANAK ALLAH

Barangsiapa mengaku bahawa Yesus itu Anak Allah, Allah hidup bersatu dengan orang itu, dan dia pun hidup bersatu dengan Allah.  
—1 Yahya 4:15

Malaikat itu menjawab, “Roh

Allah akan menyertai engkau, dan kuasa Allah akan menaungi engkau. Itulah sebabnya anak yang kudus itu akan disebut Anak Allah.”  
—Lukas 1:35

Seorang budak telah dilahirkan

3

bagi kita! Seorang anak lelaki telah diberikan kepada kita! Dialah yang akan menjadi pemimpin kita. Dia akan disebut orang "Penasihat Ajaib," "Allah Mahakusa," "Bapa yang Kekal," "Raja Damai."  
—Yesaya 9:6

Sedang Petrus berkata-kata, sebuah awan yang bersinar-sinar meliputi mereka, dan suara dari awan itu berkata, "Inilah Anakku

### YESUS MEMBERITAHU SIAPA DIA

Yesus berkata, "Kamu datang dari sini, dari bawah; tetapi aku datang dari atas. Kamu berasal dari dunia; aku bukan berasal dari dunia." Yesus menjawab, "De-

sendiri yang kukasihi. Aku berkeinginan kepadanya. Dengarlah dia!"  
—Matius 17:5

Yesus berkata kepadanya, "Engkau telah nampak dia [Anak Allah]; dialah yang bertutur dengan engkau sekarang ini." —Yahya 9:37

Sebab di dalam Kristuslah, di dalam kemanusiaannya, terdapat keilahian Allah dengan sepenuhnya.  
—Kolose 2:9

ngan sebenarnya aku berkata kepadamu: sebelum Ibrahim dilahirkan, 'Aku sudah pun ada'."

—Yahya 8:23, 58

Perempuan itu berkata kepada

4

Yesus, "Saya tahu bahawa Juru-selamat yang dijanjikan oleh Allah, yang digelar Kristus, akan datang. Bila dia datang dia akan menerangkan kepada kita segala-galanya." Yesus menjawab, "Akulah dia; aku yang bertutur dengan engkau ini."  
—Yahya 4:25, 26

"Akulah roti yang memberi kehidupan," kata Yesus kepada mereka. "Barangsiapa yang datang kepadaku, tidak sekali-kali akan lapar, dan barangsiapa yang percaya akan daku tidaklah sekali-kali akan dahaga." —Yahya 6:35

"Selama aku berada di dalam

dunia ini, akulah cahaya dunia."  
—Yahya 9:5

Oleh sebab itu, Yesus berkata sekali lagi, "Dengan sesungguhnya aku berkata kepadamu: Akulah pintu bagi domba-domba itu."  
—Yahya 10:7

Yesus berkata kepada Marta: "Akulah yang membangkitkan orang. Akulah yang memberi mereka kehidupan. Barangsiapa percaya kepada aku, meskipun orang itu telah mati, dia akan hidup semula."  
—Yahya 11:25

Kamu memanggil aku Guru dan Rabbi. Benarlah panggilanmu itu; sebab aku memang Guru dan Rabbi."  
—Yahya 13:13

5

### YESUS MENGADAKAN MUKJIZAT

Kemudian dia memerintahkan orangramai itu duduk di atas rumput. Yesus memegang lima ketul roti dan dua ekor ikan itu. Dia menengadahkan ke langit dan mengucap syukur kepada Allah. Lalu dipecah-pecahkannya roti itu dan memberikannya kepada pengikut-pengikutnya supaya dibahagi-bahagikan kepada orangramai itu. Tiap-tiap orang makan dengan secukupnya. Selepas itu pengikut-pengikutnya mengumpulkan sebanyak dua belas bakul sisa-sisa daripada roti dan ikan itu tadi. Bilangan orang-orang lelaki yang makan roti itu ada kira-

kira lima ribu, tidak termasuk orang-orang perempuan dan anak-anak.  
—Matius 14:19-21

"Tuan," jawab Simun, "kami telah berdaya sepanjang malam dan tidak mendapat apa-apa pun! Tetapi jika tuan suruh, baiklah, aku labuhkan jala." Mereka melabuhkan jala, lalu mendapat sedemikian banyak ikan sehingga jala itu hampir koyak.  
—Lukas 5:5, 6

Dua orang buta yang duduk di pinggir jalan dengar bahawa Yesus lalu. Mereka mulai berteriak, "Ya Anak Daud, ya tuan, kasihilah kami!"... [Yesus berkata]

6

"Apakah yang kamu hendak aku berbuat bagimu?" Mereka menjawab, "Tuan, celikkanlah mata kami!" Yesus kasihani mereka. Dia

menjamah mata mereka, dan dengan tiba-tiba mereka dapat melihat. Lalu mereka mengikut Yesus.  
—Matius 20:30, 32b-34

### YESUS SELAKU KHALIK DAN TUHAN

Sebab olehnyalah Allah menciptakan segala sesuatu di syurga dan di atas bumi, barang-barang yang kelihatan dan yang tidak kelihatan, termasuk juga segala penguasa yang tidak kelihatan oleh mata. Allah menciptakan segenap alam dengan perantaraan Kristus dan untuk Kristus.  
—Kolose 1:16

Dan olehnya jugalah Allah menjadikan segala sesuatu. Tidak sa-

tu apa pun di semesta alam ini yang dijadikan tanpa dia.

—Yahya 1:3

... Tetapi pada hari-hari yang terakhir ini dia [Allah] telah berfirman kepada kita dengan perantaraan Anaknya. Dengan perantaraan Anaknya inilah Allah menciptakan alam dunia, Anak yang dipilihnya untuk memiliki segala sesuatu pada akhirnya. —Ibrani 1:2

"Oleh sebab itu, hai sekalian

7

orang-orang Israel, ketahuilah olehmu dengan pasti, bahawa Yesus ini, yang kamu salibkan itu, dialah yang Allah telah menjadikan Rabbi dan Juruselamat!"  
—Kisah Rasul-Rasul 2:36

Kristus mati dan hidup semula supaya dia menjadi Rabbi bagi

### YESUS HAKIM MANUSIA

Kamu, mengapakah kamu menyalahkan saudaramu? Atau kamu itu, mengapakah kamu menghinakan saudaramu? Kita semua akan berdiri di hadapan Allah, supaya diadili olehnya.  
—Rum 14:10

Kristus Yesus akan datang lagi sebagai Hakim orang-orang yang

orang-orang yang hidup dan juga orang-orang yang telah mati.  
—Rum 14:9

Allah itu boleh dipercayai, iaitu Allah yang telah memanggil kamu untuk menikmati persekutuan dengan Anaknya Yesus Kristus Rabbi kita.  
—1 Korintus 1:9

hidup dan yang telah mati. Dia akan mendirikan Pemerintahannya. Oleh sebab itu aku minta kepadamu dengan sungguh-sungguh.  
—2 Timotius 4:1

"Bila Dia Yang Diutus Allah itu datang sebagai Raja dengan segala malaikat-malaikat, dia

8

akan duduk di atas takhta pemerintahannya, dan sekalian manusia di bumi ini akan dikumpulkan di hadapannya."  
—Matius 25:31, 32

"Bapa itu tidak menghakimkan sesiapa pun. Dia telah memberikan kuasa kehakiman dengan sepenuhnya kepada Anaknya."  
—Yahya 5:22

Demikianlah, menurut Berita Baik yang aku khabarkan, akan terjadi pada hari itu, bila Allah

### KESELAMATAN DEMI YESUS SEMATA-MATA

Yesus menjawab, "Akulah yang memimpin manusia kepada Allah, dan yang menyatakan siapa dan apa Allah itu, serta mem-

akan menghakimkan segala rahsia hati dan fikiran manusia dengan perantaraan Yesus Kristus.  
—Rum 2:16

"Dia memerintah supaya kami mengkhabarkan Berita Baik itu kepada semua kaum itu, dan menyaksikan bahawa dialah yang telah diutus Allah menjadi Hakim orang-orang yang masih hidup dan yang telah mati."  
—Kisah Rasul-Rasul 10:42

berikan kehidupan kepada manusia. Tidak seorang pun dapat datang kepada Bapa kecuali dengan perantaraan aku."  
—Yahya 14:6

9

“Akulah pintu. Barangsiapa yang masuk melalui aku akan selamat. Dia akan keluar masuk serta mendapat makanan.”

—Yahya 10:9

“Itulah sebabnya aku berkata kepada kamu, bahawa kamu akan mati di dalam dosa-dosamu. Sudah tentu kamu akan mati dalam dosa-dosamu, jika kamu tidak percaya bahawa ‘Akulah dia.’”

—Yahya 8:24

Itulah sebabnya bila dia telah disempurnakan, dia menjadi sumber keselamatan kekal bagi semua orang yang taat kepadanya.

—Ibrani 5:9

Oleh rahmat Allah yang diberi

dengan percuma, manusia diperdamaikan dengannya dengan perantaraan Yesus Kristus yang membebaskan mereka. —Rum 3:24

Dari itu dia dapat, sekarang ataupun bila-bila, menyelamatkan orang-orang yang datang kepada Allah dengan perantaraan dia, sebab dia hidup selama-lamanya untuk memohonkan kepada Allah bagi orang-orang itu.

—Ibrani 7:25

“Keselamatan datang daripadanya sahaja, sebab tiada lagi di seluruh dunia ini nama yang dikurniakan Allah kepada manusia, yang dengannya kita diselamatkan.” —Kisah Rasul-Rasul 4:12

10

## KESELAMATAN DEMI YESUS SEMATA-MATA

Tetapi Allah telah membolehkan kamu menikmati persekutuan dengan Kristus Yesus, dan Allah telah menentukan Kristus untuk menjadi kebijaksanaan kita. Oleh Kristus kita diperdamaikan dengan Allah; olehnya juga kita menjadi umat Allah yang kudus. Kita telah dibebaskan!

—1 Korintus 1:30

Dia telah memberikan dirinya bagi kita; untuk menyelamatkan kita dari segala kejahatan, dan menjadikan kita miliknya sendiri, satu umat yang suci, yang asyik berbuat baik.

—Titus 2:14

Bersyukurlah dengan sukacita

kepada Bapa yang telah menjadikan kamu layak mendapat bahagian kamu di dalam apa yang Allah telah sediakan bagi umatnya di dalam kerajaan yang penuh dengan cahaya. Allah telah menyelamatkan kita dari kuasa kegelapan, serta membawa kita selamat ke bawah pemerintahan AnakNya yang kekasih, yang olehnya kita dibebaskan dan dosa-dosa kita diampunkan.

—Kolose 1:12-14

“Kerana Dia Yang Diutus Allah itu datang untuk mencari dan menyelamatkan orang-orang yang sesat.”

—Lukas 19:10

11

Mereka menyanyikan lagu yang baharu: “Engkaulah yang layak mengambil gulungan itu serta memecahkan dan membuka meterai-meterainya. Sebab eng-

kau telah dibunuh, dan oleh kematianmu engkau menyelamatkan manusia dari segala puak, bahasa, kerajaan dan bangsa untuk Allah.”

—Wahyu 5:9

## TEBUSAN DEMI DARAH KRISTUS

Dengan kematian Kristus, kita sekarang telah diperdamaikan dengan Allah. Oleh yang demikian, lebih yakin lagi kita bahawa kita akan diselamatkan oleh Kristus daripada murka Allah.

—Rum 5:9

Sebab, oleh kematian Kristus kita telah dibebaskan, iaitu dosa-dosa kita telah diampunkan. A-langkah besarnya rahmat Allah!

—Efesus 1:7

12

“Sebab inilah darahku yang mensahkan perjanjian Allah, iaitu darahku yang dicurahkan bagi banyak orang untuk pengampunan dosa.”

—Matius 26:28

Kamu tahu apa bayaran itu yang membebaskan kamu dari kehidupan sia-sia yang kamu terima dari nenek-moyang kamu. Bayarannya bukanlah sesuatu yang nilainya boleh berkurang, seperti

perak atau emas. Kamu ini dibebaskan dengan korban yang mahal sekali, iaitu korban nyawa Kristus selaku domba yang tidak bercacat dan tidak bernoda.

—1 Petrus 1:18, 19

Jika hal ini benar, betapa pula lagi hasil yang dicapai oleh darah Kristus! Dengan Roh yang kekal, Kristus mempersembahkan dirinya sendiri kepada Allah sebagai korban yang sempurna. Darahnya

## KESELAMATAN DEMI IMAN AKAN YESUS

Sebab, dengan rahmat Allahlah maka kamu telah diselamatkan, iaitu oleh iman. Ini bukannya perbuatan kamu sendiri. Ini adalah

membersihkan hati nurani kita dari pekerjaan-pekerjaan yang sia-sia, supaya kita boleh melayani Allah yang Maha Hidup.

—Ibrani 9:14

Tetapi jika kita hidup di tengah-tengah cahaya, sebagaimana dia berada di tengah-tengah cahaya, baharulah kita bersekutu satu sama lain, dan darah Yesus, AnakNya, membersihkan kita dari segala dosa.

—1 Yahya 1:7

13

Sekarang kerana kita telah diperdamaikan dengan Allah sebab iman, kita mengalami kesejahteraan dengan Allah dengan perantaraan Yesus Kristus Rabbi kita.

—Rum 5:1

Sebab bila kita bersatu dengan Kristus Yesus, bersunat atau tidak bersunat tidaklah menjadi soal. Yang perlu ialah iman, yang menunjukkan gayanya demi kasih.

—Galatia 5:6

“Percayalah kepada Rabbi Yesus!” jawab mereka; “maka engkau akan selamat—engkau dan seluruh keluargamu!”

—Kisah Rasul-Rasul 16:31

Sebab tiap-tiap anak Allah da-

pat mengalahkan dunia. Dengan jalan inilah kita mengalahkan dunia: iaitu dengan iman kita.

—1 Yahya 5:4

Mereka bertanya kepadanya, “Apakah perkara-perkara yang harus kami berbuat untuk melakukan pekerjaan Allah?” Yesus berkata, “Inilah perkara yang Allah hendak kamu berbuat: iaitu percayalah kepada dia yang telah disuruh oleh Allah.”

—Yahya 6:28, 29

Seberapa yang tercatat di dalam kitab ini adalah supaya kamu percaya bahawa Yesuslah Juruselamat yang dijanjikan, iaitu Anak Allah; supaya dengan keperca-

yaan kamu kepadanya, kamu boleh kehidupan demi namanya.

—Yahya 20:31

Tidak lagi aku mempunyai kebenaran diriku sendiri, kebenaran yang diperoleh dengan jalan taat

kepada Taurat. Aku sekarang beroleh kebenaran yang diberikan kerana iman akan Kristus, kebenaran yang datang daripada Allah dan yang berdasarkan iman.

—Filipi 3:9

## RAHMAT TUHAN

Setinggi langit dari bumi, setinggi itu jugalah kasihnya terhadap orang yang takut kepadanya. . . . Tetapi kasih Tuhan terhadap mereka yang menghormati dia kekal selama-lamanya, dan kebanyakannya hingga turun-temurun.

—Mazmur 103:11, 17

Marilah kita bersyukur kepada

Allah, . . . iaitu Bapa yang maha penyayang, dan Allah sumber segala pertolongan.

—2 Korintus 1:3

Ya Tuhan, tiada lagi ilah lain seperti engkau. Engkau mengampuni dosa-dosa umatmu yang telah luput. Engkau tidak selamanya murka, sebaliknya engkau suka

15

14

menunjukkan kasihmu yang setia itu.

—Mikha 7:18

Kasihmu yang berkekalan itu lebih tinggi daripada langit, dan kesetiaanmu itu setinggi awan.

—Mazmur 108:4

Dia menyelamatkan kita. Bukannya kerana sesuatu perbuatan baik yang kita sendiri telah lakukan, tetapi oleh sebab rahmatnya

sendiri Allah menyelamatkan kita dengan satu pembasuhan yang olehnya Rohnya memberikan kita kelahiran dan kehidupan yang baharu.

—Titus 3:5

Anugerah dan kasih Tuhan tidak putus-putus dicurahkan; Kasihnya sesegar embun di pagi hari, rahmatnya seperti terbitan mata hari.

—Ratapan 3:22-23

### TUHAN MEMANGGIL KITA

Sabda Tuhan, "Marilah kita selesaikan masalah ini. Walaupun kamu sekarang hitam legam kerana dosa kamu, aku akan mencuci kamu sehingga putih melepak. Walaupun kamu sekarang najis

dan kotor, kamu akan menjadi putih bersih."

—Yesaya 1:18

Roh Allah dan Pengantin Perempuan berkata, "Marilah!" Tiap-tiap orang yang mendengar ini juga mesti berkata, "Marilah!"

16

Marilah, siapa sahaja yang dahaga! Terimalah dengan percuma air yang memberi kehidupan, siapa sahaja yang kehendaknya!

—Wahyu 22:17

Demikianlah firman Tuhan, "Marilah, setiap orang yang dahaga, minumlah air! Marilah, kamu yang tidak mempunyai wang, ambillah makanan! Mari! Minumlah wain dan susu, tanpa bayaran!"

—Yesaya 55:1

Bila Yesus nampak hal ini, panas hatinya lalu dia berkata kepada pengikut-pengikutnya: "Biar kanlah kanak-kanak itu datang kepadaku! Jangan melarang me-

reka, kerana orang-orang yang semacam inilah menikmati kebahagiaan Pemerintahan Allah."

—Markus 10:14

Pada hari yang terakhir dari perayaan itu, iaitu hari yang paling mustahak, Yesus berdiri lalu berkata dengan suara yang lantang: "Barangsiapa yang dahaga, hendaklah dia datang kepadaku lalu minum."

—Yahya 7:37

"Marilah kepadaku hai kamu sekalian yang lelah kerana memikul beban yang berat; aku akan memberikan kamu rehat."

—Matius 11:28

17

### BUKAN SEMUANYA ANAK-ANAK TUHAN

Inilah perbezaannya di antara anak-anak Allah dengan anak-anak Iblis: siapa sahaja yang tidak melakukan apa yang benar, atau tidak mengasihi saudaranya, bukanlah anak Allah.

—1 Yahya 3:10

Orang-orang yang dipimpin oleh Roh Allah, adalah anak-anak Allah. Sebab Roh yang diberikan oleh Allah kepada kamu tidak menjadikan kamu hamba-hamba, sehingga kamu hidup di dalam ketakutan. Sebaliknya Roh Allah itu menjadikan kamu anak-anak Allah. Dan dengan kuasa Roh Allah jugalah kita memanggil

Allah itu "Bapa! Bapaku!"

—Rum 8:14, 15

Supaya kamu benar dan murni selaku anak-anak Allah yang sempurna, yang hidup di dalam dunia orang-orang jahat dan berdosa. Bila kamu menyampaikan kepada mereka perkhabaran kehidupan itu, hendaklah kamu bersinar di antara mereka seperti bintang-bintang yang menerangi langit.

—Filipi 2:15

Begitu juga sabda Tuhan: "Hendaklah kamu meninggalkan mereka, serta mengasingkan diri kamu daripada mereka. Jangan-

18

lah mempunyai perhubungan apa pun dengan apa yang najis, maka aku akan menyambut kamu. Aku akan menjadi Bapamu, dan kamu akan menjadi anak-anakku lelaki dan perempuan, demikianlah sab-

da Tuhan yang Maha Kuasa."

—2 Korintus 6:17, 18

Tetapi kepada mereka yang menyambut dan percaya kepadanya, diberikannya hak menjadi anak-anak Allah.

—Yahya 1:12

### FIRMAN TUHAN MENGENAI ARAK

Perbuatan hawanafsu manusia itu nyata dalam perbuatan-perbuatan yang cabul, kotor, dan yang tidak senonoh; penyembahan berhala, dan ilmu sihir. Orang menjadi bermusuhan-musuhan, berkelahi, bercemburuan, pemarah, dan mencari nama. Mereka berpihak-pihak dan berlawan-lawan, mereka menjadi dengki, pemabuk,

berlazat-lazat, dan sebagainya. Aku memperingatkan kamu sekarang sebagaimana aku telah memperingatkan kamu dahulu: orang-orang yang melakukan perbuatan-perbuatan ini tidak akan menikmati kebahagiaan Pemerintahan Allah.

—Galatia 5:19-21

Biarlah kita mengendalikan diri kita dengan sopan sebagai orang

19

yang hidup di waktu siang hari; janganlah beria-ria melampaui batas, atau mabuk, janganlah berkhawat, atau berkelakuan tidak senonoh, janganlah berkelahi, ataupun cemburu. Tetapi biarlah Rabbi Yesus Kristus, yang menentukan apa yang orang Kristen mesti berbuat. Dan janganlah lagi memanjakan tabiat kamu yang berdosa untuk memuaskan hawanafsu.

—Rum 13:13, 14

### KETULUSAN HATI TIDAK MENCUKUPI

Yesus menjawab, "Hendaklah engkau mengasihi Allah Tuhanmu dengan segenap hatimu, dan dengan segenap jiwamu, dan de-

Celakalah kamu! Kamu bangun pagi-pagi dan mulai minum minuman keras. Lalu kamu mabuk sehingga larut malam.

—Yesaya 5:11

Janganlah membiarkan wain menggoda kamu, sekalipun warnanya merah tua, dan ianya berkilau di dalam cawan, sedap ditelan. Esok pagi kamu merasa seperti telah dipagut ular bisa.

—Bidalan 23:31, 32

ngan segenap fikiranmu.' Inilah perintah yang terutama dan yang terpenting! Perintah terpenting yang kedua sama dengannya:

20

'Hendaklah engkau mengasihi sesama manusia seperti dirimu sendiri.'

—Matius 22:37-39

... "Guru yang baik, apakah harus aku berbuat supaya beroleh kehidupan yang kekal?" "Mengapakah engkau menyebut aku baik?" tanya Yesus. "Tidak seorang pun baik kecuali Allah sahaja. Engkau tahu hukum-hukum Allah: 'Janganlah engkau membunuh; janganlah engkau berzina; janganlah engkau mencuri; janganlah engkau berdusta; janganlah engkau menipu, hormatkanlah ibubapa kamu.'" "Guru," kata orang itu, "semenjak aku masih muda aku telah menurut sega-

la hukum-hukum ini.' Dengan kasihani Yesus memandang orang itu lalu berkata: "Tinggal satu perkara sahaja yang engkau perlukan. Pergilah menjual segala apa yang kamu ada; berikan wangnya kepada orang-orang miskin, dan kamu akan beroleh harta di syurga. Kemudian marilah, ikutlah aku." Bila orang itu mendengar perkataan Yesus, mukanya pun muram, dan dia terus meninggalkan tempat itu dengan susah hati kerana dia terlalu kaya.

—Markus 10:17-22

Jalan yang disangka baik itu mungkin menuju ke arah maut.

—Bidalan 16:25

21

## JANGANLAH KAMU TERTIPU

Janganlah menipu dirimu sendiri. Tidak seorang pun yang dapat memperbodohkan Allah. Seseorang akan menuai tepat apa yang dia telah tabur. —Galatia 6:7

Janganlah seorang pun menipu kamu, hai anak-anak! Barangsiapa berbuat benar, dia itu benar, sama seperti Kristus pun benar. Barangsiapa terus berdosa, dia milik Iblis, sebab Iblis berdosa semenjak permulaan sekali. —1 Yahya 3:7, 8a

Tentu kamu insaf bahawa orang-orang yang jahat tidak akan menikmati kebahagiaan pemerintahan Allah. Janganlah

memperdayakan dirimu sendiri. Orang-orang yang berkelakuan buruk, atau yang menyembah berhala, atau berzina, atau memburit, orang-orang yang merampas atau yang tamak, atau yang selalu mabuk, atau memburukkan nama orang lain, ataupun yang mencuri—sekaliannya ini tidak akan menikmati kebahagiaan Pemerintahan Allah. —1 Korintus 6:9, 10

Janganlah kamu bodoh mendengarkan firman yang sahaja. Sebaliknya, lakukanlah apa yang diajarkan oleh firman itu. —Yakub 1:22

22

Janganlah membiarkan sesiapa pun menipu kamu dengan perkataan-perkataan yang bodoh. Oleh sebab hal-hal inilah maka murka Allah akan menimpa mereka yang

tidak taat kepadanya. —Efesus 5:6  
Jika seseorang menyangka dirinya ternama, pada halnya dia tidak, orang itu tertipu oleh dirinya sendiri. —Galatia 6:3

## DOSA MENDATANGKAN MAUT

Dosa masuk ke dunia dengan perantaraan satu orang, dan dosa orang itu telah membawa maut. Akibatnya maut menjangkit seluruh umat manusia sebab setiap orang telah berdosa. —Rum 5:12

Hawanafsunya itu bila telah menjadi-jadi mengakibatkan dosa; dan dosa bila telah berat mengakibatkan maut. —Yakub 1:15

Jika fikiran kamu dikuasai oleh

tabiat manusia, akibatnya kematian. Tetapi jika fikiran kamu dikuasai oleh Roh Allah, akibatnya ialah hidup dan kesejahteraan. Orang yang fikirannya dikuasai oleh tabiat manusia bermusuhan dengan Allah, kerana orang itu tidak menurut hukum Allah. Sebenarnya tidak mungkin orang itu menurut hukum Allah. —Rum 8:6, 7

23

Orang yang berdosa yang akan mati. Seorang anak tidak usah menderita kerana dosa bapanya. Demikian juga seorang bapa tidak usah menderita kerana dosa anaknya. Seorang yang baik akan menerima pahala kerana kebajikannya, dan seorang yang jahat akan menderita kerana kehatannya. —Yehezkiel 18:20

“Patut kita mengadakan per-

jamuan dan bersukaria, sebab adikmu telah mati, tetapi sekarang hidup pula; dia telah sesat, tetapi sekarang telah kembali.” —Lukas 15:32

Siapa sahaja yang bertekad hendak melakukan yang benar akan hidup, tetapi siapa yang berkeras hendak melakukan kejahatan akan mati. —Bidalan 11:19

## KRISTUS TELAH MENGALAHKAN MAUT

Tetapi dalam hal keilahian, dengan kuasa yang besar dia telah dinyatakan sebagai Anak Allah dengan jalan dia dibangkitkan dari kematian. —Rum 1:4

Setelah Yesus berkata demikian, dia berseru, “Lazarus, marilah keluar!” Orang yang telah mati itu pun keluar dengan tangan dan kakinya berbalut dengan kain ka-

24

pan, dan mukanya berbalut dengan sapu tangan. Yesus berkata kepada orang-orang di situ, “Lepaskanlah dia, dan biarkanlah dia pergi.” —Yahya 11:43, 44

Setelah itu dia menghampiri dan menjamah usungan itu, dan orang-orang yang sedang mengungsi itupun berhenti. Yesus berkata, “Hai pemuda, aku berkata, bangunlah!” Mayat pemuda itu bangun dan mulai bercakap. —Lukas 7:14, 15a

“Bapa itu mangasihi aku sebab aku bersedia menyerahkan nyawaku, supaya aku boleh menerimanya kembali. Tiada seorang pun yang dapat merampas nyawa-

ku daripadaku. Aku menyerahkannya dengan rela. Aku berhak menyerahkannya, dan aku berhak menerimanya kembali. Inilah yang Bapaku perintahkan aku.” —Yahya 10:17, 18

“Akulah dia yang hidup! Aku telah mati, tetapi lihatlah, aku hidup selama-lamanya. Aku berkuasa atas kematian, dan atas alam barzakh.” —Wahyu 1:18

“Sebagaimana Bapa itu membangkitkan orang-orang yang telah mati dan memberikan mereka kehidupan, begitu juga Anak itu memberikan kehidupan kepada barangsiapa sahaja yang diperkenankannya.” —Yahya 5:21

25

## PERINTAH-PERINTAH TUHAN

Janganlah menyembah berhala; sembahlah aku sahaja.

Janganlah membuat bagi diri kamu sendiri patung daripada apa pun, di langit atau di bumi, atau pun di dalam air di bawah tanah. Janganlah bersujud kepada berhala apa juga, ataupun menyembahnya. . . .

Janganlah menggunakan namaku untuk maksud yang jahat, sebab aku Allah Tuhanmu, akan menghukum siapa sahaja yang menyalahgunakan namaku.

Perhatikanlah hari Sabtu, dan kuduskanlah hari itu, sebagaimana yang telah diperintahkan oleh

ku Allah Tuhanmu. Lakukanlah pekerjaan kamu selama enam hari. . . .

Hormatilah ibu-bapa kamu, sebagaimana aku Allah Tuhanmu perintahkan kamu. . . .

Janganlah membunuh.

Janganlah berzina.

Janganlah mencuri.

Janganlah menuduh sesiapa pun secara palsu.

Janganlah mengingini isteri orang lain. Janganlah mengingini rumahnya, tanahnya, hambanya, lembunya, keldainya, atau apa pun miliknya. —Ulangan 5:7-21

26

## TIADA SIAPA BOLEH BERSEMBUNYI DARI HADIRAT TUHAN

Dia memperhatikan setiap langkah manusia. Tiada kegelapan yang cukup gelap untuk menyembunyikan orang yang bersalah daripada hadirat Tuhan. —Ayub 34:21, 22

Tiada siapa pun dapat bersembunyi dari hadiratku. Tidakkah kamu tahu aku hadir di mana-mana: di syurga dan di bumi? —Yeremia 23:24

Jika aku naik ke syurga, engkau berada di sana; jika aku tinggal di alam barzakh, engkau juga berada di sana. . . . Bagimu kegelapan itu tidak gelap, dan malam

pun cerah seperti siang. Kegelapan dan cahaya sama sahaja bagimu. —Mazmur 139:8, 12

Tuhan nampak apa yang berlaku di mana-mana; dia memperhatikan kita, samada kita berbuat baik atau jahat. —Bidalan 15:3

Tiada satu apa pun yang dapat disembunyikan daripada Allah. Segala sesuatu di dalam alam dunia ini terbuka dan terbentang di hadapan matanya. Kepada Allahlah kita semua bertanggungjawab atas perbuatan-perbuatan kita sendiri. —Ibrani 4:13

27

## HUKUMAN KEKAL BAGI ORANG ZALIM

“Dia Yang Diutus Allah akan menyuruh malaikat-malaikatnya mengumpulkan dari Pemerintahan Allah segala orang yang menggoda manusia supaya berdosa, dan segala orang-orang lain yang melakukan kejahatan. Mereka semua akan dibuang ke dalam dapur yang berapi; di situlah mereka akan menangis dan menggerak gigi.” —Matius 13:41, 42

Nasib semua orang zalim ialah maut, semua orang yang menolak Tuhan. —Mazmur 9:17

Tetapi langit dan bumi yang ada sekarang ini, dipelihara oleh firman Allah itu juga, supaya di-

musnahkan kelak dengan api. Ianya dipelihara sehingga hari orang-orang derhaka dihukum dan dibinasakan. —2 Petrus 3:7

Orang-orang itu akan mengalami kebinasaan kekal sebagai hukuman Allah. Mereka akan terpisah dari hadirat Rabbi dan kuasanya yang mulia. —2 Tesalonika 1:9

“Jika tanganmu atau kakimu menyesatkan engkau, keratkan ia dan buangkan ia. Lebih baik engkau hidup dengan Allah tanpa sebelah tangan atau sebelah kakimu itu, daripada engkau mempertahankan kedua-dua tangan atau

28

kakimu lalu dibuang ke dalam api neraka.” —Matius 18:8

“Demikianlah orang-orang ini akan menderita hukuman yang

kekal, sedangkan orang-orang yang melakukan kehendak Allah akan menikmati kebahagiaan hidup kekal.” —Matius 25:46

## PENGADILAN DI AKHIRAT

“Sebab dia telah tentukan satu hari bila dia akan menghukum seluruh dunia ini dengan adil oleh satu orang yang telah dipilihnya. Ini telah dibuktikan Allah kepada tiap-tiap manusia dengan jalan membangkitkan orang itu dari kematian!” —Kisah Rasul-Rasul 17:31

Demikianlah Rabbi tahu bagaimana menyelamatkan orang yang beriman dari ujian-ujian mereka, dan juga menahan orang-orang

yang jahat di bawah hukuman sehingga Hari Pengadilan.

—2 Petrus 2:9

Tujuan daripada kasih disemburnakan dalam diri kita ialah supaya kita beroleh keberanian pada Hari Pengadilan kelak; dan kita tentu berolehnya sebab kehidupan kita dalam dunia sama dengan kehidupan Kristus.

—1 Yahya 4:17

Tiap-tiap manusia mesti mati

29

satu kali, dan setelah itu dihakimkan oleh Allah. —Ibrani 9:27

Orang-orang yang telah mati diadili menurut perbuatannya, menurut apa yang tertulis di dalam kitab-kitab itu.

—Wahyu 20:12b

Sebab tidak dapat tidak kita semua akan dihadapkan ke muka

kursi pengadilan Kristus, dan masing-masing akan dibalas menurut perbuatannya sendiri, . . . yang telah dilakukan di dalam kehidupannya di dunia ini.

—2 Korintus 5:10

Demikianlah kita masing-masing mesti mempertanggungjawabkan diri kita di hadapan Allah.

—Rum 14:12

## ANUGERAH YESUS KRISTUS

Tetapi di mana dosa bertambah, di situ juga rahmat Allah makin bertambah. Maka sebagaimana dosa memerintah dengan jalan kematian, demikian juga rahmat Allah memerintah dengan jalan

kebenaran, memimpin kita kepada hidup yang kekal melalui Yesus Kristus Rabbi kita.

—Rum 5:20b, 21

“Tetapi kedua-duanya ini tidak sama, sebab anugerah Allah itu

30

jauh bezanya daripada dosa Adam. Memang banyak orang mati akibat dosa orang yang satu itu. Tetapi rahmat Allah lebih besar lagi. Demikianlah pemberian Allah kepada sedemikian banyak manusia melalui rahmat seorang lagi, iaitu Yesus Kristus.” —Rum 5:15

Dari itu, keputusannya tidaklah bergantung kepada kehendak atau perbuatan manusia, tetapi hanya atas rahmat Allah.

—Rum 9:16

Kamu telah tahu anugerah Yesus Kristus Rabbi kita, bahawa meskipun dia kaya, bagi kebaikan

kamu dia menjadikan dirinya miskin, supaya dengan kemiskinannya itu, dia menjadikan kamu kaya.

—2 Korintus 8:9

. . . “Allah menentang orang yang sombong, tetapi dia memberikan rahmat kepada orang yang rendah hati.” —1 Petrus 5:5b

Biarlah kita bersyukur kepada Allah bagi pemberiannya yang tidak terhingga itu. —2 Korintus 9:15

Dengan kuasa yang besar rasul-rasul itu bersaksi tentang kebangkitan Yesus, dan Allah mencurahkan kekayaan berkatnya ke atas mereka sekalian.

—Kisah Rasul-Rasul 4:33

31

## PERTAUBATAN

“Masa kejahilan kita dahulu Allah tidak pedulikan, tetapi sekarang dia perintah supaya manusia seluruhnya berpaling dari kejahatan.” —Kisah Rasul-Rasul 17:30

Petrus menjawab, “Berpalinglah dari dosa-dosamu, dan hendaklah kamu masing-masing dibaptiskan demi kuasa nama Yesus Kristus, supaya dosa-dosamu diampuni, dan kamu akan menerima Roh Allah, pemberian Allah itu.” . . . “Oleh sebab itu, berpalinglah dari dosa kepada Allah, supaya dia menghapuskan dosa-dosamu.”

—Kisah Rasul-Rasul 2:38; 3:19

Tidak! Aku berkata kepada kamu, kecuali kamu berpaling daripada dosa-dosa kamu, kamu semua akan mati sama seperti mereka.

—Lukas 13:3

“Berpalinglah daripada dosa-dosa kamu,” katanya, “kerana tidak lama lagi Allah akan mendirikan Pemerintahannya!”

—Matius 3:2

Tinggalkanlah semua kejahatan yang telah kamu buat itu, dan baharuilah fikiran dan hati kamu.

—Yehezkiel 18:31a

Kita tidak akan berjaya jika kita menyembunyikan dosa kita.

32

Mengakulah, dan bertobatlah, lalu Allah akan mengasihani kita.

—Bidalan 28:13

Kerana kedukaan yang telah digunakan oleh Allah itu telah menyebabkan pertukaran hati

yang membawa keselamatan. Tidak ada penyesalan dalam hal itu! Sebaliknya, kedukaan yang didatangkan oleh dunia, itulah yang dapat membawa kematian.

—2 Korintus 7:10

## KEAMPUNAN DOSA

“Jika seorang jahat bertobat lalu taat kepada hukumku, dan melakukan yang benar dan baik, dia tidak akan mati. Dia pasti akan hidup.” —Yehezkiel 18:21

Biarlah orang zalim meninggalkan cara kehidupan mereka yang jahat itu, dan mengubah cara fikiran mereka yang sesat itu. Hendaklah mereka berpaling

kepada Tuhan, Allah kita, kerana Tuhan itu Maha Kasih, dan sentiasa sedia mengampuni.

—Yesaya 55:7

“Sebab jika kamu mengampuni orang yang bersalah terhadap kamu, Bapamu yang di syurga pun akan mengampuni kesalahannya kamu.”

—Matius 6:14

Yesus tahu berapa besar iman

33

mereka. Dia berkata kepada orang lumpuh itu, "Anakku, dosa-dosamu telah diampuni."

—Markus 2:5

... dengan perantaraan Yesuslah perkhobaran tentang keampunan dosa telah diberitakan kepada kamu... Orang inilah Allah menaikkan ke tempat berkuasa di sebelah kanannya supaya menjadi Pemimpin dan Juruselamat; supaya memberi bang-

### PERPISAHAN DENGAN KEDUNIAWIAN

Janganlah mengasihi nafsu dunia ini, ataupun apa sahaja yang menjadi milik dunia ini. Jika kamu mengasihi dunia ini, kamu ti-

34

sa Israel kesempatan berpaling daripada dosa-dosa mereka dan beroleh keampunan bagi dosa-dosanya.

—Kisah Rasul-Rasul 13:38b; 5:31

"Dengarlah! Aku berdiri di depan pintu dan mengetuk. Jika seseorang mendengar suaraku dan membuka pintu, aku akan masuk ke dalam rumahnya dan makan bersama-sama dia, dan dia makan bersama-sama aku." —Wahyu 3:20

dak mempunyai pada diri kamu kasih untuk Bapa. Segala sesuatu yang menjadi milik dunia ini—yang diinginkan oleh nafsu diri

yang berdosa, yang dilihat dan dikehendaki orang, segala sesuatu di dalam dunia ini yang dibanggakan oleh manusia—tidak ada satu pun yang berasal dari Bapa. Segala-galanya berasal dari dunia.

—1 Yahya 2:15, 16

Sebab Allah telah menunjukkan rahmatnya untuk keselamatan sekalian manusia. Rahmatnya itu mengajar kita meninggalkan penghidupan kufur dan harta dunia; supaya kita hidup di dalam dunia ini dengan menahan diri, dan jujur, serta menghormati Allah.

—Titus 2:11, 12

Pusatkanlah fikiran kamu atas perkara-perkara di situ, bukan

atas perkara-perkara yang di dunia.

—Kolose 3:2

Jangan campur tangan dalam perkara-perkara yang sia-sia yang dilakukan oleh orang; perkara-perkara yang biasa dibuat dalam kegelapan. Sebaliknya, nyatakanlah perkara-perkara itu di tempat yang terang.

—Efesus 5:11

Hai orang-orang yang tidak setia! Tidakkah kamu tahu bahawa bila kamu menjadi sahabat-sahabat dunia, kamu menjadi musuh-musuh Allah? Barangsiapa hendak menjadi sahabat dunia, dia menjadikan dirinya sendiri musuh Allah.

—Yakub 4:4

35

Bersihkanlah diri kamu. Hentikanlah segala kejahatan yang di depan mataku ini. Sesungguhnya janganlah berbuat kejahatan lagi.

—Yesaya 1:16

Sebab segala rahmat Allah kepada kita, hai saudara-saudaraku, maka aku memohon kepada kamu semua: persembahkanlah dirimu sebagai korban hidup kepada Allah, terserah untuk melayani

### KELAHIRAN BARU

"Aku akan memberi kamu hati dalam fikiran yang baharu. Aku akan menukar hati kamu yang keras, dan memberi kamu hati yang taat."

—Yehezkiel 36:26

36

dia dan juga berkenan kepadanya. Inilah ibadat yang sebenarnya yang harus kamu sembahkan. Janganlah menurut teladan dunia ini, tetapi biarlah batin kamu diperbaharui oleh Allah dan fikiran kamu diubahkan. Baharulah kamu dapat mengetahui kehendak Allah—iaitu apa yang baik, dan berkenan kepadanya, serta sempurna.

—Rum 12:1, 2

Kamu tahu bahawa Kristus itu benar. Sebab itu kamu harus tahu bahawa tiap-tiap orang yang melakukan apa yang benar ialah anak Allah... Kita tahu bahawa

anak-anak Tuhan tidak ada yang terus-menerus berdosa, sebab Anak Allah itu memelihara dia dengan selamat, dan Iblis tidak dapat menyakiti dia.

—1 Yahya 2:29; 5:18

Manakala seorang telah bersatu dengan Kristus, orang itu menjadi satu kejadian yang baharu: apa yang lama itu telah lenyap, yang baharu telah terbit.

—2 Korintus 5:17

Yesus menjawab, "Sebenarnya aku berkata kepadamu: Tidak seorang pun dapat mengalami kebahagiaan Pemerintahan Allah kecuali orang itu diperanakkan semula."

—Yahya 3:3

Tetapi sekarang kamu telah di-

bersihkan daripada dosa. Kamu telah dipersembahkan kepada Allah. Kamu telah diperdamaikan dengan Allah demi kuasa Rabbi Yesus Kristus dan Roh Allah kita.

—1 Korintus 6:11b

Sebab dengan firman Allah yang menghidupkan dan yang kekal itu, kamu telah diperanakkan semula sebagai anak-anak bapa yang abadi bukan fana.

—1 Petrus 1:23

"Pencuri datang hanya untuk mencuri, membunuh, dan membinasakan. Tetapi aku datang supaya mereka yang dengarkan suaraku beroleh kehidupan: kehidupan dalam erti yang sedalam-dalamnya."

—Yahya 10:10

37

### MATI TERHADAP DOSA—BANGKIT DEMI KRISTUS

Pada masa yang lampau, secara rohani kamu ini mati sebab keinginan dan dosa-dosamu... Dalam hal kita bersekutu dengan Kristus Yesus, Allah membangkitkan kita bersama-sama dia supaya kita memerintah bersama-sama Kristus di dalam dunia yang akan datang.

—Efesus 2:1, 6

Kristus sendiri telah menanggung dosa-dosa kita pada tubuhnya di atas salib itu, supaya kita ini dapat hidup sebagai orang-orang yang telah mati terhadap dosa, lalu hidup untuk kebenaran. Demi dia diluka-lukai, kamu telah disembuhkan.

—1 Petrus 2:24

38

Kamu juga sudah dibangkitkan bersama-sama Kristus. Sebab itu curahkanlah hati kamu kepada perkara-perkara yang di syurga, di mana Kristus duduk di atas takhtanya di tempat berkuasa bersama-sama Allah. Pusatkanlah fikiran kamu atas perkara-perkara di situ, bukan atas perkara-perkara yang di dunia. Sebab kamu telah mati, dan kehidupan kamu sekarang tersembunyi di dalam Allah bersama-sama Kristus.

—Kolose 3:1-3

Demikianlah orang-orang yang menjadi milik Kristus Yesus telah mematikan tabiat manusia dan

segala hawanafsu dan keinginannya. Roh Allah telah memberikan kita kehidupan baharu; oleh sebab itu, dia jugalah yang harus menguasai kehidupan kita.

—Galatia 5:24, 25

Tentu tidak! Kita telah mati ter-

### KEHIDUPAN ABADI

Jika dia menabur menurut hawanafsunya sendiri, daripada hawanafsunya juga dia akan menuai kematian. Tetapi jika dia menabur menurut pimpinan Roh Allah, daripada Roh Allah juga dia akan menuai kehidupan yang kekal.

—Galatia 6:8

Sebagaimana Musa meninggikan

hadap dosa; bagaimanakah dapat kita meneruskan kehidupan yang berdosa lagi!... Harulah kamu juga menganggap dirimu mati terhadap dosa, lalu hiduplah bagi Allah dengan perantaraan Kristus Yesus.

—Rum 6:2, 11

kannan ular tembaga pada sebatang kayu di padang pasir, begitu jugalah Dia Yang Diutus Allah harus ditinggikan, supaya tiap-tiap orang yang percaya kepadanya beroleh kehidupan yang kekal.

—Yahya 3:14, 15

Inilah kehidupan yang kekal: iaitu supaya orang mengenal eng-

39

kau, satu-satunya Allah yang benar, dan Yesus Kristus yang engkau telah utuskan. —Yahya 17:3

Barangsiapa percaya kepada Anak itu beroleh kehidupan yang kekal. Tetapi barangsiapa yang menderhaka terhadap Anak itu tidak akan beroleh kehidupan, dan murka Allah akan menimpai dia selama-lamanya. —Yahya 3:36

Sebab upah dosa itu ialah maut, tetapi kurnia Allah ialah kehidup-

an yang kekal dengan perantara-an Kristus Yesus Rabbi kita. —Rum 6:23

“Dengan sesungguhnya aku berkata kepadamu: barangsiapa yang mendengar perkataanku dan percaya kepada dia yang menyuruhku aku, dia beroleh kehidupan yang kekal. Dia tidak akan dihukum, melainkan sudah pun lepas daripada kematian kepada kehidupan.” —Yahya 5:24

#### JAMINAN KESELAMATAN

Roh Allah bersatu dengan roh kita supaya menyaksikan bahawa kita ini adalah anak-anak Allah. —Rum 8:16

Barangsiapa mempunyai Anak itu, mempunyai kehidupan ini; dan barangsiapa tidak mempunyai Anak Allah, tidak mempuny-

40

nyai kehidupan. . . . Aku menulis ini kepada kamu supaya kamu tahu bahawa kamu mempunyai kehidupan yang kekal, iaitu kamu yang percaya kepada Anak Allah. —1 Yahya 5:12, 13

“Barangsiapa yang menerima dan menurut perintah-perintahku, orang itulah yang mengasihi aku. Bapaku akan mengasihi orang yang mengasihi aku, dan aku pun akan mengasihinya dan menyatakan diriku kepadanya.” —Yahya 14:21

Dan oleh kerana tiap-tiap orang akan berlaku adil, negeri itu akan

menjadi aman dan tenteram.

—Yesaya 32:17

Untuk membuktikan bahawa kamu adalah anak-anak Allah, Allah menyuruh Roh AnakNya ke dalam hati kita, iaitu Roh yang berseru, “Bapa, ya Bapaku.”

—Galatia 4:6

Caranya kita pasti bahawa kita hidup bersatu dengan Allah dan Allah hidup bersatu dengan kita, iaitu dia telah memberikan kita Rohnya. —1 Yahya 4:13

Jika kita taat kepada perintah-perintah Allah, baharulah kita pasti bahawa kita kenal dia.

—1 Yahya 2:3

41

#### KEHADIRAN KRISTUS MENDATANGKAN KEBAHAGIAAN

Aku datang sekarang kepadamu. Dan aku katakan perkara-perkara ini di dunia supaya mereka boleh merasai kesukaanku dengan segenap-genapnya. —Yahya 17:13

“Sekarang kamu berdukacita, tetapi aku akan berjumpa lagi dengan kamu; dan hatimu akan dipenuhi dengan sukacita-sukacita yang tidak dapat dirampas oleh sesiapa pun.” —Yahya 16:22b

Sebab pemerintahan Allah dalam kehidupan seseorang bukanlah berkenaan dengan soal makanan atau minuman, tetapi dengan kebenaran, dengan kesejah-

teraan, dan dengan kegembiraan yang dikurniakan oleh Roh Allah. —Rum 14:17

“Sebagaimana air jernih mendatangkan sukacita kepada yang dahaga, demikian jugalah umat Allah bersukacita manakala mereka diselamatkan.” —Yesaya 12:3

Yang hidup sekarang ini bukanlah aku, tetapi Kristus yang hidup dalam diriku. Kehidupanku sekarang ini ialah semata-mata oleh iman akan Anak Allah yang mengasihi aku dan yang telah mengorbankan nyawanya bagiku. —Galatia 2:20

“Demikianlah aku katakan ke-

42

pada kamu supaya kamu semua merasai kesukaanku; dan supaya kesukaan kamu juga sempurna. —Yahya 15:11

Engkau akan menunjukkan ke-

padaku jalan yang menuju kepada kehidupan; hadiratmu meng-gembirakan aku, dan pertolonganmu selamanya membawa nikmat. —Mazmur 16:11

#### TAAT KEPADA TUHAN ITU MUSTAHAK

Tetapi jika kamu tidak perhatikan firman Tuhan, jika kamu tidak taat kepada perintah-perintahnya, dia akan menentang kamu dan raja kamu. —1 Samuel 12:15

Serta melegakan kamu yang menderita, dan kami juga. Allah akan melakukan ini bila Rabbi Yesus tampil dari langit dengan malaikat-malaikatnya yang ber-

kuasa dan dengan api yang bernyala-nyala, untuk menghukum orang-orang yang tidak mengenal Allah dan orang-orang yang tidak menurut Berita Baik itu tentang Yesus Rabbi kita. Orang-orang itu akan mengalami kebinasaan kekal sebagai hukuman Allah. Mereka akan terpisah dari hadirat Rabbi dan kuasanya yang mulia. —2 Tesalonika 1:7-9

43

Tentu kamu tahu bahawa bila kamu menyerahkan diri kamu kepada seseorang sebagai hamba untuk menjalankan perintahnya, maka kamu menjadi hamba orang itu yang perintahnya kamu jalankan, samada hamba dosa, yang mengakibatkan kematian, ataupun hamba kepatuhan kepada Yesus Kristus, yang akibatnya ialah

#### PENGAKUAN AKAN KRISTUS ITU MUSTAHAK

Dan sekaliannya akan mengaku dengan terang-terang bahawa Yesus Kristuslah Rabbi, untuk kemuliaan Allah Bapa. —Filipi 2:11

“Barangsiapa mengaku di ha-

kamu diperdamaikan dengan Allah. —Rum 6:16

Pada hari ini aku memberi kamu peluang untuk memilih di antara berkat dan kutuk—berkat, jika kamu taat kepada perintah-perintah Allah Tuhanmu yang aku berikan kepada kamu pada hari ini; atau kutuk, jika kamu tidak taat kepada perintah-perintah itu. —Ulangan 11:26-28a

dapan umum bahawa dia milik aku, aku pun akan mengaku dia pada hadirat Bapaku di syurga. Tetapi barangsiapa menyangkal di hadapan umum bahawa dia mi-

44

lik aku, aku pun akan menyangkal dia pada hadirat Bapaku di syurga.” —Matius 10:32, 33

Jika kamu mengaku dengan birmu bahawa “Yesus itu Rabbi,” dan kamu percaya di dalam hatimu bahawa Allah telah membangkitkan Yesus dari kematian, kamu akan selamat. Kita percaya di dalam hati kita, maka kita diperdamaikan dengan Allah. Kita mengaku dengan bibir kita, maka kita diselamatkan. —Rum 10:9, 10

“Jika seseorang malu mengaku aku dan pengajaranku di hadapan orang, Dia Yang Diutus Allah juga akan malu mengaku orang

itu, bila dia datang kelak dengan kemuliaannya, dan dengan kemuliaan Bapa, dan kemuliaan malaikat-malaikat yang suci!”

—Lukas 9:26

Sebab barangsiapa menolak Anak itu, dia menolak Bapa itu juga, dan barangsiapa mengaku Anak itu, dia menyambut Bapa itu juga. —1 Yahya 2:23

Inilah jalannya bagaimana kamu boleh mengetahui samada roh itu Roh Allah: barangsiapa mengisytiharkan bahawa Yesus Kristus telah sungguh-sungguh menjelma menjadi seorang manusia, orang itu mempunyai Roh yang datang dari Allah. —1 Yahya 4:2

45



## SETAN—MUSUH UTAMA

Bersiumanlah, dan berwaspadalah! Musuh kamu, Iblis, bermundar-mandir seperti singa yang mengaum-aum mencari mangsanya. —1 Petrus 5:8

Si Jahat itu akan datang dengan kuasa Iblis. Dia akan mengadakan segala macam mukjizat, dan tanda-tanda palsu, dan keajaiban-keajaiban. —2 Tesalonika 2:9

“Engkau akan mencelikkan mata mereka dan memimpin mereka berpaling daripada kegelapan kepada cahaya, dan daripada pengaruh Iblis kepada Allah, supaya oleh iman mereka akan daku, dosa-dosa mereka akan diam-

puni dan mereka menjadi umat Allah yang terpilih.”

—Kisah Rasul-Rasul 26:18

Kemudian Yesus dibawa oleh Roh Allah ke padang pasir supaya digoda oleh Iblis... Yesus menjawab, “Nyahlah engkau, hai Iblis! Nas Alkitab berkata, ‘Hendaklah engkau menyembah Allah dan melayani dia sahaja!’” Baharulah Iblis meninggalkan Yesus, dan malaikat-malaikat pun datang menolong dia.

—Matius 4:1, 10, 11

Akhirnya, binalah kekuatan kamu demi persekutuan kamu dengan Rabbi Yesus Kristus, dan

46

oleh kuasanya yang besar. Pakailah selengkapnya baju zirah yang Allah berikan kepada kamu, supaya

ya kamu berdiri melawan musuh-musuh Iblis yang jahat.

—Efesus 6:10, 11

## KEMENANGAN ATAS SETAN

Sebab itu, serahkanlah diri kamu kepada Allah. Lawanlah Iblis; Iblis akan lari daripada kamu. Hampirlah Allah, dan Allah pun akan menghampiri kamu.

—Yakub 4:7, 8a

Oleh sebab mereka yang disebut anak-anak itu ialah manusia yang mempunyai daging dan darah, Yesus sendiri menjelma menjadi sama seperti mereka dengan segala perikemanusiaan mereka. Dia berbuat demikian,

supaya dengan kematiannya dia dapat memusnahkan Iblis yang berkuasa atas kematian.

—Ibrani 2:14

Barangsiapa terus berdosa, dia milik Iblis, sebab Iblis berdosa semenjak permulaan sekali. Justeru untuk inilah Anak Allah tampak, untuk membinasakan pekerjaan Iblis.

—1 Yahya 3:8

Siapakah boleh menceraikan kita daripada kasih Kristus? Bolehkah kesusahan, atau kesukaran,

47

atau penganiayaan, atau kelaparan, atau kemiskinan, atau bahaya, ataupun kematian? Tidak! Di dalam segala perkara ini kita beroleh kemenangan yang sempurna oleh dia yang telah mengasihinya kita!

—Rum 8:35, 37

Baharulah si Jahat itu akan tampil, dan Rabbi Yesus akan

membunuh dia dengan nafas mulutnya, serta membinasakan dia dengan kedatangannya yang mulia bila dia datang kelak. Si Jahat itu akan datang dengan kuasa Iblis. Dia akan mengadakan segala macam mukjizat, dan tanda-tanda palsu, dan keajaiban-keajaiban.

—2 Tesalonika 2:8, 9

## BUKTI SEORANG KRISTEN IALAH KASIH

Meskipun aku dapat bertutur dengan bahasa-bahasa manusia, bahkan di dalam bahasa malaikat sekalipun, tetapi aku tidak mempunyai kasih, maka perkataanku itu tidak lebih daripada bunyi

gong yang bising, atau bunyi loceng yang gemerengang.

—1 Korintus 13:1

Sebaliknya, hasil pimpinan Roh Allah ialah kasih, sukacita, kesejahteraan, kesabaran, budi, ke-

48

baikan, kesetiaan, kerendahan hati, dan pengawalan diri.

—Galatia 5:22, 23a

Kedua kali Yesus bertanya kepadanya, “Simun bin Yahya, ‘Adakah engkau mengasihiku?’” Petrus menjawab, “Ya Rabbi, Rabbi tahu bahawa aku mengasihiku Rabbi.” Yesus berkata kepadanya, “Peliharakanlah domba-dombaku.”

—Yahya 21:16

“Jika kamu mengasihiku, turutlah perintah-perintahku.”

—Yahya 14:15

Jika seorang berkata, “Aku mengasihiku Allah,” tetapi dia membenci saudaranya, dia itu pendus-

ta. Sebab tidak mungkin seorang mengasihiku Allah yang tidak pernah dilihatnya, jika dia tidak mengasihiku saudaranya yang telah pun dilihatnya.

—1 Yahya 4:20

“Jika kamu mengasihiku sesama kamu sendiri, maka segala orang akan mengetahui bahawa kamulah pengikut-pengikut aku.”

—Yahya 13:35

Kita tahu bahawa kita telah meninggalkan maut dan bahawa kita sekarang hidup. Kita tahu ini sebab kita mengasihiku saudara-saudara kita. Barangsiapa tidak mengasihiku, dia itu masih di bawah kuasa maut.

—1 Yahya 3:14

49

## KEBANGKITAN YESUS KRISTUS

Kami inilah saksi-saksi bagi segala yang dilakukannya di negeri orang Yahudi dan di Yerusalem. Mereka menyalibkan dia dan membunuh dia. Tetapi pada hari yang ketiga Allah membangkitkan dia dari kematian, dan memperlihatkan dia. Dia tidak dilihat oleh semua orang; hanya oleh kami yang telah dipilih Allah menjadi saksi-saksinya. Kami makan dan minum bersama-sama dia setelah Allah membangkitkan dia dari kematian.

—Kisah Rasul-Rasul 10:39-41

Setelah Yesus bangkit dari kematian pagi-pagi pada hari Ahad,

dia menampakkan dirinya pertama kepada Maria Magdalena, yang dari dalamnya dia pernah mengusir tujuh setan.

—Markus 16:9

Seminggu kemudian, pengikut-pengikut Yesus berada lagi di bilik itu, dan Tomas ada bersama-sama mereka. Pintu semua terkunci. Tetapi Yesus datang dan berdiri di tengah-tengah mereka serta berkata, “Sejahteralah kamu!” Lalu Yesus berkata kepada Tomas, “Letakkanlah jarimu di sini, dan lihatlah tanganku. Hurlurkanlah tanganmu dan letakkanlah ke dalam rusukku. Jangan-

50

lah ragu-ragu lagi. Percayalah!” Tomas berkata kepada Yesus, “Ya Rabbiku! Ya Allahku!”

—Yahya 20:26-28

## KEBANGKITAN, HARAPAN AGUNG UMAT KRISTEN

“Dengan sesungguhnya aku berkata kepadamu: masanya akan datang, malah sudah pun sampai, bila orang mati akan mendengar suara Anak Allah, dan barangsiapa yang mendengarnya akan hidup. Janganlah kamu hairan mendengar ini: sebab akan datang masanya bila sekalian orang mati yang di dalam kubur akan mendengar suaranya, dan keluar dari dalam kubur. Dan

Yesus diserahkan supaya mati kerana dosa-dosa kita; dia dibangkitkan untuk memperdamaikan kita dengan Allah.

—Rum 4:25

barangsiapa yang telah berbuat baik akan dibangkitkan supaya hidup; tetapi mereka yang telah berbuat jahat akan dibangkitkan supaya dihukum.”

—Yahya 5:25, 28, 29

Tiadakah kamu ketahui bahawa bila kita dibaptiskan, kita dipersatukan dengan Yesus Kristus? Ini berarti kita dipersatukan dengan kematiannya. Dengan baptisan itu, kita ditanam bersama-

51

sama Kristus dalam kematian-nya, supaya sebagaimana Kristus dibangkitkan dari kematian oleh kemuliaan kuasa Bapa itu, kita pun boleh hidup dengan kehidupan yang baharu. Kerana jika kita telah dipersatukan dengan Kristus di dalam hal kematiannya, begitu juga kita akan dipersatukan dengan dia dalam hal kita dibangkitkan seperti dia.

—Rum 6:3-5

Tetapi jika Kristus hidup di

dalam dirimu, . . . namun Roh Allah telah memberikan kamu kehidupan sebab kamu telah diperdamaikan dengan Allah. Jika Roh Allah yang membangkitkan Kristus dari kematian hidup di dalam dirimu, maka dia yang membangkitkan Kristus dari kematian itu juga akan memberikan kehidupan kepada tubuh kamu yang fana ini, dengan Rohnya yang ada di dalam kamu.

—Rum 8:10, 11

### SUCI DI HADAPAN TUHAN

Kamu telah dipilih menurut kehendak Allah Bapa, dan dijadikan umatnya yang suci oleh Rohnya,

supaya kamu taat kepada Yesus Kristus dan dibersihkan oleh darahnya.

—1 Petrus 1:2a

52

“Dia bersumpah hendak menyelamatkan kita dari musuh kita, dan membolehkan kita melayani dia tanpa ketakutan, supaya kita menjadi orang-orang yang suci dan benar di hadapannya, sepanjang kehidupan kita.”

—Lukas 1:74, 75

Segala perjanjian ini diuntukkan bagi kita, hai sahabat-sahabatku! Oleh sebab itu marilah kita membersihkan diri kita daripada segala yang menajiskan tubuh dan batin kita. Biarlah kita takut akan Allah dan melakukan penghidupan yang berkenan kepada Allah.

—2 Korintus 7:1

“Aku membaptiskan kamu de-

ngan air untuk menyatakan bahwa kamu telah berpaling daripada dosa-dosa kamu; tetapi dia yang akan datang kemudian daripada kamu itu akan membaptiskan kamu dengan Roh Allah dan api. Dia lebih besar daripada aku: bahkan untuk menjinjing kasutnya pun aku tidak layak.”

—Matius 3:11

Jika seseorang membersihkan dirinya daripada segala kejahatan ini, dia akan digunakan untuk maksud-maksud yang mulia, sebab dia telah menyerahkan dirinya, dan berguna kepada Tuannya. Dia telah siap digunakan untuk segala pekerjaan yang baik.

—2 Timotius 2:21

53

### SUCI DI HADAPAN TUHAN

Itulah sebabnya Yesus juga mati di luar pintu gerbang kota, untuk membersihkan umatnya dari dosa dengan darahnya sendiri.

—Ibrani 13:12

Sebelum dunia ini dicipta, Allah telah memilih kita, supaya kita menjadi umatnya yang bersekutu dengan Kristus, supaya kita menjadi suci dan tidak bersalah di hadiratnya. Pakailah keperibadianmu yang baharu, yang dicipta menurut rupa Allah, dan yang menyatakan dirinya dengan kehidupan yang benar, lurus dan suci.

—Efesus 1:4; 4:24

Akan ada kelak satu jalan-raya, yang disebut “Jalan Kudus.” Orang berdosa tiada satu pun terdapat padanya, dan mereka yang mengikut jalan itu tidak dapat disesatkan oleh sesiapa pun.

—Yesaya 35:8

Sebaliknya, biarlah segenap kehidupan kamu suci, sebagaimana Allah yang memanggil kamu itu pun suci.

—1 Petrus 1:15

Tetapi jika kita mengaku dosa-dosa kita kepada Allah, dia akan memenuhkan janjinya dan melakukan apa yang benar. Dia akan mengampuni dosa-dosa kita dan

54

membersihkan kita dari segala kesalahan kita.

—1 Yahya 1:9

Adapun segalanya ini akan dibinasakan dengan jalan ini, bagaimanakah hendaknya kehidupan kamu? Kehidupan kamu hendak-

lah suci serta berserah kepada Allah.

—2 Petrus 3:11

Cubalah berdamai dengan semua orang, dan cubalah hidup dengan kesucian, sebab tanpa ini tidak seorang pun akan melihat Rabbi.

—Ibrani 12:14

### KEHIDUPAN YANG DIPENUHI ROH ALLAH

“Sejahat-jahat kamu, kamu tahu memberikan barang-barang yang baik kepada anak-anak kamu, betapakah pula Bapa yang di syurga itu akan memberikan Rohnya kepada mereka yang meminta padanya!”

—Lukas 11:13

Setelah mereka habis berdoa,

tempat mereka berkumpul itu bergentar, dan mereka sekalian dikuatkan oleh Roh Allah, dan mulai mengatakan perkhabarannya Allah dengan keberanian.

—Kisah Rasul-Rasul 4:31

Aku akan membuat rohku mendiami diri kamu agar kamu menu-

55

rut hukumku dan melaksanakan semua perintah yang telah kuberi-kan kepada kamu.

—Yehezkiel 36:27

Tetapi kamu ini tidak lagi hidup menurut tabiat kemanusiaanmu. Kamu hidup menurut kehendak Roh—iaitu jika Roh Allah sungguh mendiami kamu. Barangsiapa yang tidak mempunyai Roh Kristus di dalam hidupnya, orang itu bukanlah milik Kristus.

—Rum 8:9

### JANJI-JANJI KEPADA UMAT KRISTIAN

Tuhan berdampingan dengan mereka yang tawar hati; dia menyelamatkan mereka yang putus asa.

—Mazmur 34:18

Tetapi kamu akan dilengkapi dengan kuasa apabila Roh Allah datang dan menguasaimu, dan kamu akan menjadi saksi-saksi bagiku.

—Kisah Rasul-Rasul 1:8a

Barnabas adalah seorang yang baik, penuh dengan Roh Allah dan iman.

—Kisah Rasul-Rasul 11:24a

Tetapi pengikut-pengikut di Antiokia sangat bersukacita dan penuh dengan Roh Allah.

—Kisah Rasul-Rasul 13:52

Aku sendiri yang menciptakan seluruh alam ini! Aku berkenan dengan orang yang rendah hati dan bertaubat, yang takut akan

56

daku dan taat kepadaku.

—Yesaya 66:2

Hai sahabat-sahabatku yang kekasih, janganlah hairan akan pengujian berat yang kamu derita, seolah-olah perkara yang luarbiasa telah terjadi kepada kamu. Sebaliknya, bersyukurlah sebab kamu menderita sebahagian dari penderitaan Kristus, supaya kamu bersukacita bila kemuliaan Kristus dinyatakan kelak.

—1 Petrus 4:12, 13

“Dia akan menghapus segala air-

mata dari mata mereka. Dan tidaklah lagi terdapat kematian, atau dukacita, atau tangisan, ataupun kesakitan. Perkara-perkara yang lama telah lenyap.”

—Wahyu 21:4

Yakinlah pada Tuhan dan buatlah perkara yang baik; tinggallah di negeri ini dan kamu akan selamat.

—Mazmur 37:3

“Aku dapat,” jawab Yesus, “asal sahaja engkau sanggup percaya! Tiada satu perkara pun mustahil jika seorang mempunyai iman!”

—Markus 9:23

### JANJI-JANJI KEPADA YANG TERGODA

Dan sekarang dia dapat menolong orang-orang yang tergoda,

sebab dia sendiri pernah digoda dan diseksa!

—Ibrani 2:18

57

Dan Allah sumber kesejahteraan kita, akan segera menewaskan Iblis di bawah kaki kamu.

—Rum 16:20a

Orang yang baik mengalami banyak kesusahan, tetapi Tuhan menyelamatkan dia dari semuanya.

—Mazmur 34:19

Manakala kamu menyeberang laut yang dalam, aku akan menyertai kamu; manakala kamu menyeberang sungai kamu tidak akan tenggelam. Manakala kamu menembusi api, kamu tidak akan terbakar; kamu tidak akan dcederakan oleh bencana apa pun.

—Yesaya 43:2

Tiap-tiap penggodaan yang datang kepadamu itu ialah penggodaan yang biasa dihadapi orang. Tetapi Allah setia pada janjinya itu. Dia tidak akan membiarkan kamu digoda lebih daripada yang kamu boleh lawan. Bila kamu ditimpa oleh godaan, dia akan memberi kamu kekuatan supaya bertahan, dan membuka jalan supaya kamu terhindar daripadanya.

—1 Korintus 10:13

Kita tahu bahawa di dalam segala perkara, Allah mengerjakan kebaikan bagi mereka yang mengasihinya dia, yang dipanggil olehnya menurut kehendaknya.

—Rum 8:28

58

Imam agung kita ini bukanlah seorang yang tidak dapat bersimpati dengan kelemahan-kelemahan kita. Sebaliknya, kita mempuny

nyai imam agung yang pernah digoda dalam segala hal, seperti kita sendiri; hanya dia tidak berdosa!

—Ibrani 4:15

### JANJI-JANJI KEPADA YANG MENANG

“Barangsiapa menang akan menerima ini daripadaku: Aku akan menjadi Allahnya, dan dia akan menjadi anakku.”

—Wahyu 21:7

“Orang yang menang aku akan menjadikan dia tiang dalam bait suci Allahku, dan dia tidak akan meninggalkan tempat itu lagi. Aku akan menulis di atas dirinya nama Allahku, dan nama kota Al-

lahku, Yerusalem baharu, yang akan turun dari syurga, dari Allahku. Aku juga akan menulis di atas dirinya namaku yang baharu.”

—Wahyu 3:12

“Mereka yang menang akan dipakaikan pakaian putih seperti ini, dan aku sekali-kali tidak akan menghapuskan nama mereka dari kitab orang-orang yang hidup. Di

59

hadapan Bapaku dan malaikat-malaikatnya aku akan mengaku terang-terang bahawa mereka adalah milikku.”

—Wahyu 3:5

“Jika kamu bertelinga, dengarkan apa yang dikatakan oleh Roh

Allah kepada jemaah-jemaah! Kepada mereka yang telah menang, aku akan memberikan hak untuk makan buah dari pokok sumber kehidupan yang tumbuh di dalam Taman Allah.”

—Wahyu 2:7

### FIRMAN TUHAN MENGENAI PERCERAIAN

Bagi orang-orang yang telah menikah, aku perintahkan begini. Sebenarnya bukanlah aku yang memerintah, tetapi Tuhan. Seorang perempuan yang telah menikah janganlah meninggalkan suaminya. Jika ditinggalkannya, hendaklah dia membujang, atau kembali semula kepada suaminya. Dan seorang suami janganlah

menceraikan isterinya.

—1 Korintus 7:10, 11

“Barangsiapa menceraikan isterinya lalu menikah dengan perempuan lain, orang itu berzina. Demikian juga lelaki yang menikah dengan perempuan yang telah dicerai-kan itu pun berzina.”

—Lukas 16:18

Seorang wanita yang bersuami,

60

umpamanya, terikat kepada suaminya oleh undang-undang hanya selama suaminya hidup. Tetapi jika suaminya mati, isteri itu bebas dari undang-undang yang mengikatnya kepada suaminya. Jika wanita itu hidup dengan lelaki yang lain selama suaminya masih hidup, wanita itu dikatakan perempuan berzina. Tetapi jika suami-

nya meninggal, menurut undang-undang wanita tersebut bebas . . .

—Rum 7:2, 3

“Tetapi sekarang aku berkata kepadamu: barangsiapa menceraikan isterinya kecuali atas dasar zina, membuat isterinya berzina, dan orang yang menikah dengan perempuan itu, juga berzina.”

—Matius 5:32

### KEDATANGAN KRISTUS KEDUA KALI

“Setelah aku pergi menyediakan tempat bagi kamu, aku akan kembali lagi dan menerima kamu, supaya di mana aku berada di situ juga kamu akan berada.”

—Yahya 14:3

“Aku segera datang! Peliharakanlah baik-baik apa yang ada

pada kamu, supaya jangan ada orang merampas hadiah kemenangan kamu.”

—Wahyu 3:11

“Jika seorang malu mengaku aku dan pengajaranku pada zaman yang derhaka dan jahat ini,

61

Dia Yang Diutus Allah juga akan malu mengaku orang itu, bila dia datang kelak dengan kemuliaan Bapanya, dan kemuliaan malaikat-malaikatnya yang suci.”

—Markus 8:38

Kamu juga mesti bersabar. Teguhkanlah harapan kamu, sebab hari kedatangan Rabbi sudah dekat.

—Yakub 5:8

“Sebab Dia Yang Diutus Allah akan datang seperti kilat mengkilap di seluruh langit dari timur ke barat.”

—Matius 24:27

“Baharulah tanda Dia Yang Diutus Allah itu akan terlibat di langit; baharulah suku-suku bangsa di bumi ini akan menangis,

dan mereka akan nampak Dia Yang Diutus Allah itu datang di awan langit dengan kuasa dan kemuliaan yang besar.”

—Matius 24:30

“Bila Dia Yang Diutus Allah itu datang sebagai Raja dengan segala malaikat-malaikat, dia akan duduk di atas takhta pemerintahannya.”

—Matius 25:31

Demikian juga Kristus dipersembahkan sebagai korban satu kali sahaja untuk menanggung dosa banyak orang. Dia akan tampil sekali lagi, bukan untuk menanggung dosa, tetapi untuk menyelamatkan orang-orang yang menantikan dia.

—Ibrani 9:28

62

### KEDATANGAN KRISTUS KEDUA KALI

“Hai orang-orang Galilea,” kata mereka, “mengapakah kamu tengadah ke langit? Yesus ini yang kamu nampak terangkat ke syurga, akan kembali seperti kamu nampak dia naik ke syurga.”

—Kisah Rasul-Rasul 1:11

Baharulah Dia Yang Diutus Allah akan kelihatan, datang di awan langit dengan kuasa yang besar dan kemuliaan.

—Lukas 21:27

Hai sahabat-sahabatku yang kekasih, kita sekarang ialah anak-anak Allah, tetapi belum jelas lagi apa kejadian kita kelak. Tetapi kita tahu bahawa bila Kristus tam-

pak, kita akan menjadi seperti dia, sebab kita akan melihat dia dalam keadaannya yang sebenarnya. Tiap-tiap orang yang mempunyai harapan ini terhadap Kristus, menjaga supaya dirinya suci, sebagaimana Kristus pun suci.

—1 Yahya 3:2, 3

“Dengarlah! Aku datang seperti pencuri! Berbahagialah orang yang berjaga-jaga serta memperhatikan pakaiannya; orang itu tidak akan didapati berjalan bertelanjang dan dipermalukan di depan orangramai!”

—Wahyu 16:15

“Sebab Dia Yang Diutus Allah itu sudah hampir hendak datang

63

dengan kemuliaan Bapanya dan bersama-sama malaikat-malaikatnya. Pada masa itu dia akan membalas tiap-tiap orang menurut perbuatannya. —Matius 16:27

“Kamu pun haruslah sentiasa bersedia, sebab Dia Yang Diutus Allah itu akan datang pada saat yang kamu tidak sangka.” —Lukas 12:40

Tidak perlu kami menulis kepada kamu, hai saudara-saudara tentang masa atau ketika bila perkara-perkara ini akan terjadi. Sebab kamu sendiri tahu dengan jelas bahawa Hari Rabbi itu akan datang seperti pencuri datang pada malam hari. —1 Tesalonika 5:1, 2

### FIRMAN TUHAN

“Langit dan bumi akan lenyap, tetapi perkataanku akan kekal selama-lamanya.” —Lukas 21:33

Sebab tidak ada perkhabaran nabi yang datang semata-mata dengan kehendak manusia, melainkan manusia itu diilhami oleh Roh Allah pada masa mereka menyampaikan perkhabaran yang datang daripada Allah.

—2 Petrus 1:21

Seluruh Alkitab itu diilhami oleh Allah dan berguna untuk mengajar apa yang benar, menegur apa yang salah, membetulkan apa yang keliru, dan memberi petunjuk-petunjuk untuk kehidupan

64

yang menurut kehendak Allah. —2 Timotius 3:16

Firmanmu itu bagaikan pelita yang memimpin aku, dan cahaya yang menerangi jalanku.

—Mazmur 119:105

### BERDOALAH DAN AMPUNILAH

“Sepatutnya kamu berdoa begini: ‘Ya Bapa kami yang di syurga, Hendaklah manusia menghormati engkau. Binalah Pemerintahanmu di bumi. Biarlah manusia taat kepadamu sebagaimana engkau ditaati di syurga. Berilah kami pada hari ini makanan kami yang seperlunya. Ampunilah kesalahan-kesalah-

an kami, seperti kami mengampuni orang yang bersalah terhadap kami. Janganlah membiarkan kami digoda oleh Iblis, tetapi selamatkanlah kami daripada kuasanya. Engkaulah Raja, dan engkaulah yang mempunyai kuasa dan kemuliaan selama-lamanya, Amin.’ Sebab jika kamu mangampuni orang yang bersalah terhadap kamu, Bapamu yang di syurga pun akan mengampuni kesalahan kamu. Tetapi jika kamu tidak mengampuni kesalahan orang lain, Bapamu yang di syurga juga tidak akan mengampuni kesalahan kamu.”

—Matius 6:9-15

Published in numerous languages by W.M. Press as God supplies funds in answer to prayer. If you would like more copies for careful distribution, please write to us in English.

W.M. Press, Inc.  
P.O. Box 120  
New Paris, IN 46553-0120 USA

[www.wmpress.org](http://www.wmpress.org)

156 Malay HFA